



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026

PERNIAGAAN

3766/1

Kertas 1

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.


Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

1 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri sebuah perniagaan yang dijalankan di Bidor, Perak.

- Modal daripada yuran keanggotaan
- Prinsip kawalan demokratik
- Tiada dikenakan cukai
- Membantu keperluan ahli
- Mempunyai liabiliti terhad

Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut?

- A Koperasi
 B Syarikat Sendirian Berhad
 C Syarikat Awam Berhad
 D Perkongsian
- 2 Gambar 1 di bawah merupakan salah satu sektor perniagaan yang terkenal di Negeri Kedah.



Aktiviti Penanaman Padi
 Gambar 1

Apakah sektor tersebut?

- A Sektor utama
 B Sektor kedua
 C Sektor ketiga
 D Sektor tertier
- 3 Maklumat di bawah adalah hubungan antara perkaitan perniagaan.

Perniagaan bersaiz kecil pada masa kini, banyak menggunakan medium Internet seperti e-dagang dan e-pemasaran untuk meluaskan pasaran sehingga ke peringkat antarabangsa.

Nyatakan perkaitan perniagaan tersebut.

- A Klasifikasi perniagaan dan bentuk milikan
 B Klasifikasi perniagaan dan skala
 C Bentuk pemilikan dan skala
 D Barangan dan bentuk milikan

- 8 Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan perkaitan dengan misi?
- A Pernyataan berkaitan hala tuju perniagaan
 - B Pernyataan berkaitan panduan membuat keputusan
 - C Pernyataan berkaitan tujuan utama perniagaan
 - D Pernyataan berkaitan maklumat khusus perniagaan
- 9 Pernyataan manakah merujuk kepada tujuan visi?
- A Puan Salina telah mengagihkan belanjawan perniagaan mengikut keperluan setiap bahagian fungsian.
 - B Chong Tech Sdn. Bhd. ingin menjadi pembekal komputer riba terkemuka di Malaysia.
 - C Pekerja telah dimaklumkan berkaitan sasaran jualan yang perlu dicapai pada tahun 2025.
 - D Pengurus pemasaran telah menerangkan hala tuju perniagaan kepada semua pekerja di bawahnya.
- 10 Pernyataan berikut berkaitan dengan Perniagaan Kentang Letop.

Penduduk Malaysia kini yang gemar menikmati kerepek kentang pelbagai perisa menyebabkan Perniagaan Kentang Letop mempelbagaikan perisa kerepek kentang yang dijual seperti kerepek kentang perisa kari dan keju.

Antara berikut, faktor luaran manakah mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif Perniagaan Kentang Letop tersebut?

- A Teknologi
 - B Sosiobudaya
 - C Ekonomi
 - D Kewangan
- 11 Encik Malik menjalankan perniagaan kedai dobi di Shah Alam, Selangor. Apakah kesan sekiranya perniagaan beliau tidak mencapai objektif?
- A Jualan merosot
 - B Kos operasi meningkat
 - C Harga produk dikurangkan
 - D Kadar dividen dikurangkan
- 12 Gambar 3 di bawah menunjukkan aktiviti bahagian fungsian yang berlaku di sesebuah perniagaan.



Pekerja Terlibat dalam Memproses
Produk di Kilang
Gambar 3

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pemasaran
- B Kewangan
- C Pengeluaran
- D Pengagihan

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan Biskut Almond Mak Jenny.

- Memeriksa semua tempahan biskut *Almond* dan bertindak jika berlaku perbezaan
- Memenuhi kekurangan bekalan biskut *Almond* yang berlaku di sesuatu lokasi

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Kewangan
 - B Sumber manusia
 - C Pemasaran
 - D Pengagihan
- 14 Pernyataan di bawah merupakan salah satu aliran barang atau perkhidmatan dalam sesebuah perniagaan.

X merujuk kepada pihak perniagaan mendapatkan buku kerja sekolah daripada bahagian pengeluaran dan mengedarkan kepada pihak sekolah.

Proses aliran barang merujuk kepada

- A pesanan bahan mentah.
 - B pengeluaran item barang dan pengedaran.
 - C penerimaan pesanan pengguna.
 - D penghantaran invois kepada pembeli.
- 15 Mengapakah interaksi antara bahagian fungsian penting dalam sesebuah organisasi perniagaan kecil dan besar?
- A Untuk mengurangkan kos operasi
 - B Untuk meningkatkan persaingan
 - C Untuk melancarkan aktiviti perniagaan
 - D Untuk menambah jualan pelanggan
- 16 Mengapakah organisasi perlu menjalinkan hubungan baik dengan pembekal?
- A Untuk mendapatkan pembiayaan kewangan
 - B Untuk mendapatkan penghantaran yang cepat dan berkualiti
 - C Untuk menjual barang dan perkhidmatan
 - D Untuk mendapatkan kelulusan tender
- 17 Pernyataan yang manakah menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?
- A Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi
 - B Usaha untuk mengagihkan sumber manusia secara berkesan
 - C Usaha mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan
 - D Usaha untuk membangunkan tenaga kerja dalam organisasi

18 Pernyataan berikut berkaitan dengan Syarikat Insurans Berjaya.

Syarikat Insurans Berjaya telah menetapkan Indeks Pencapaian Utama (KPI) sebagai petunjuk kepada prestasi pencapaian pekerja.

Apakah peranan pengurusan sumber manusia Syarikat Insurans Berjaya tersebut?

- A Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran
- B Menggalakkan kreativiti dan inovasi
- C Prestasi pasukan
- D Melantik pekerja baharu

19 Mengapakah majikan di Syarikat Pembinaan Ranhill lebih mengutamakan pekerja yang berpengalaman dalam organisasi perniagaannya?

- A Pekerja lebih bersemangat untuk bekerja
- B Pekerja lebih pandai berkomunikasi
- C Pekerja dapat menjimatkan masa dan kos latihan
- D Pekerja lebih mudah diberikan kenaikan pangkat

20 Maklumat berikut berkaitan dengan Kilang Kicap Taming Sari.

Kilang Kicap Taming Sari telah didatangi beberapa pegawai dari Jabatan Tenaga Kerja setelah menerima aduan daripada pekerja-pekerja kilang tersebut yang membuat laporan tentang tidak memberikan faedah yang wajib kepada mereka sepanjang empat bulan yang lalu.

Apakah jenis faedah tersebut?

- A Insurans berkelompok
- B Kemudahan perubatan
- C Kemudahan keselamatan
- D Caruman PERKESO

21 Maklumat berikut berkaitan dengan struktur organisasi dalam perniagaan.

- Wujud berdasarkan kepada keperluan dan kehendak pelanggan
- Dilaksanakan dalam organisasi yang menawarkan perkhidmatan

Apakah struktur organisasi tersebut?

- A Struktur organisasi berdasarkan fungsi
- B Struktur organisasi berdasarkan pelanggan
- C Struktur organisasi berdasarkan matriks
- D Struktur organisasi berdasarkan produk

- 22 Apakah tujuan mengurus sumber fizikal?
- A Melindungi nama baik perniagaan
 - B Meningkatkan kecekapan pengurusan
 - C Memastikan aset berada dalam keadaan selamat
 - D Mengelakkan risiko kebakaran
- 23 Manakah yang berikut merupakan sumber fizikal?
- A Lagu AI
 - B Komputer Riba
 - C AppsStore
 - D Filem Mat Kilau
- 24 Gambar 4 di bawah menunjukkan produk Malaysia yang baru dilancarkan.



Gambar 4

- Bagaimanakah cara untuk melindungi reka bentuk produk tersebut?
- A Mendaftar paten kereta dengan MyIPO
 - B Mendaftar kereta di bawah Akta Hak Cipta 1987
 - C Mendaftar paten kereta di bawah Akta Syarikat 2016
 - D Mendaftar reka bentuk dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Julita.

Puan Julita merupakan seorang pengusaha kedai kek yang terkenal di Tapah, Perak. Beliau bercadang untuk mendapatkan pembiayaan daripada agensi kerajaan bagi membuka cawangan baharu di Ipoh, Perak.

- Apakah kekuatan jenis pembiayaan tersebut?
- I Kadar faedah rendah
 - II Tidak tertakluk kepada terma dan syarat
 - III Bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan
 - IV Pinjaman tidak memerlukan cagaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26 Situasi berikut berkaitan dengan dua jenis pembiayaan.

P	Encik Aaron ingin membeli tiga buah mesin tetapi kekurangan tunai.
Q	Syarikat Peneraju Berhad memerlukan sebuah kren dan sebuah jentolak bagi kerja-kerja pembinaan dalam tempoh enam bulan.

Antara yang berikut, pernyataan manakah yang betul?

	P	Q
A	Dapat menggunakan aset sahaja	Dapat memiliki aset
B	Tidak dikenakan faedah tahunan	Dikenakan faedah tahunan
C	Perlu menanggung kos penyelenggaraan	Tidak memerlukan deposit
D	Tidak memerlukan modal yang tinggi	Tidak perlu menyimpan aset usang

27 Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon pembiayaan daripada bank?

- I Salinan kad pengenalan
- II Gambar lokasi kedai
- III Salinan bil utiliti
- IV Rekod jualan dan pembelian

- A** I dan II
- B** I dan IV

- C** II dan III
- D** III dan IV

28 Encik Rizal ingin menggunakan jentera dalam tempoh tiga tahun sahaja bagi menjalankan projek membaiki jalan yang baru diperolehi syarikatnya.

Apakah sumber pembiayaan yang sesuai digunakan oleh perniagaan beliau?

- A** Pemfaktoran
- B** Sewa beli
- C** Modal permulaan
- D** Pajakan

29 Apakah kegunaan penyata pendapatan kepada usahawan?

- A** Menyediakan laporan kewangan bagi tujuan pembiayaan
- B** Menyediakan laporan kegiatan aliran tunai perniagaan
- C** Mengetahui tanggungan atau hutang pihak luar
- D** Mengetahui kedudukan kewangan aset perniagaan

30 Maklumat berikut menunjukkan nisbah semasa bagi sebuah perniagaan kedai kasut.

Tahun	Nisbah Semasa
2023	1.6
2024	2.5

Tafsirkan prestasi perniagaan bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023.

- A** Keupayaan perniagaan menjual barangan dalam tempoh tertentu
- B** Keupayaan perniagaan untuk membuat pelaburan
- C** Perniagaan mampu membayar hutang dalam tempoh yang singkat
- D** Prestasi perniagaan semakin merosot dan tidak mampu membayar hutang

31 Butiran berikut diperolehi daripada penyata pendapatan Syarikat Ilham Jentayu Sdn. Bhd..

Butiran	RM
Kos Belian	306 200
Kos Jualan	137 000
Jualan Bersih	576 000

Berapakah peratusan margin untung kasar?

- A 24.82%
- B 76.22%
- C 53.67%
- D 46.32%

32 Maklumat di bawah menunjukkan kelebihan menjadi usahawan.

- Membuka peluang pekerjaan
- Mengurangkan kadar jenayah
- Memberikan pelbagai pilihan produk

Kelebihan tersebut merujuk kepada kelebihan kepada

- A negara.
- B diri.
- C keluarga.
- D masyarakat.

33 Bagaimanakah pemasaran dapat membantu Encik Saiful yang merupakan seorang usahawan?

- I Meningkatkan jualan produk
 - II Memperkenalkan produk sedia ada di pasaran baharu
 - III Menentukan harga yang sesuai
 - IV Menjamin keuntungan yang lumayan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Dialog berikut adalah perbualan di antara Encik Arif dan Encik Azri.

Encik Arif : Wah, semakin maju perniagaan piza kamu Azri! Adakah perniagaan ini sudah didaftarkan?

Encik Azri : Ya, perniagaan ini sudah didaftarkan.

Antara berikut, yang manakah kesan tindakan Encik Azri?

- I Dapat mengembangkan skala perniagaan
 - II Menjamin perlindungan insurans
 - III Mendapat entiti yang sah di sisi undang-undang
 - IV Layak mendapat pinjaman daripada agensi kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



NO. PENGENALAN DIRI

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026

PERNIAGAAN

3766/2

Kertas 2

2 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. **Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

**B. CALON BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS**

- A MASALAH PEMBELAJARAN
- B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)
- C KURANG UPAYA PELBAGAI
- D KURANG UPAYA PERTUTURAN
- F KURANG UPAYA FIZIKAL
- P KURANG UPAYA PENDENGARAN
- R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

UNTUK DIISI OLEH
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

**C. BAGI CALON KES KHAS
HITAMKAN RUANG BERKENAAN**

- MENUMPANG TERCICIR
- BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB

NO. PUSAT MENUMPANG

**D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN
ATAU PERALATAN TAMBAHAN**

- JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS
- GURU PENDAMPING KOMPUTER

**E. BAGI CALON TIDAK HADIR
HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI**

- TIDAK HADIR

NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

TANDATANGAN

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

1 (a) Jelaskan tujuan perniagaan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

(b) Bagaimanakah undang-undang boleh memberikan kesan positif kepada perniagaan di Malaysia?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

2 (a) Gambar 1 berikut merujuk kepada sebuah milikan perniagaan.




Gambar 1

Jelaskan bentuk pemilikan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(b) Rajah 1 berikut berkaitan dengan ciri-ciri objektif perniagaan.



Rajah 1

Jelaskan W.

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

3 (a) Maklumat di bawah berkaitan Syarikat Anne Kosmetik Sdn. Bhd.

Syarikat Anne Kosmetik Sdn. Bhd. ialah sebuah perniagaan yang mengeluarkan produk penjagaan wajah organik. Syarikat bercadang meminta bantuan pihak MATRADE untuk meningkatkan jualan dan menembusi pasaran antarabangsa.

(i) Nyatakan dua faktor dalaman yang perlu diambil perhatian oleh Syarikat Anne Kosmetik Sdn. Bhd..

.....

.....

[2 markah]

(ii) Jelaskan peranan pihak MATRADE dalam membantu perniagaan Syarikat Anne Kosmetik Sdn. Bhd..

.....


.....

.....


.....

[4 markah]

(b) Gambar 2 dan 3 di bawah merupakan aktiviti yang berlaku dalam satu bahagian fungsian.



Gambar 2



Gambar 3

Terangkan peranan bahagian fungsian tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Frozen Global Berhad.

Syarikat Frozen Global Berhad merupakan sebuah perniagaan berskala besar. Perniagaan ini menjual pelbagai produk makanan sejuk beku untuk pasaran tempatan. Pengurus perniagaan ini ialah Puan Jaslina. Beberapa jabatan telah disusun dalam perniagaan ini iaitu Cik Rina sebagai pengurus produk kuih sejuk beku, Puan Salmi sebagai pengurus produk daging dan ayam sejuk beku dan Encik Ammar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ikan dan makanan laut sejuk beku.

(i) Lakar dan labelkan carta organisasi Syarikat Frozen Global Berhad.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]


(ii) Jelaskan struktur organisasi di 4(a)(i).

.....

.....

[2 markah]

(b) Rajah 2 di bawah berkaitan dengan sumber teknologi.



Rajah 2

Jelaskan tujuan mengurus sumber teknologi S.

.....

.....

.....

[4 markah]

5 (a) Jelaskan tentang nisbah untung.

.....

.....

.....

[4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan dokumen perniagaan.

Tarikh	Butiran
3 Januari 2025	Menerima dokumen R daripada pihak bank
26 Januari 2025	Membeli alat tulis di Kedai Buku Popular dan menerima dokumen Z

Jelaskan dokumen **R** dan **Z**.

.....

.....

.....

[6 markah]

6 (a) Encik Rafiq merupakan seorang usahawan berjaya. Senaraikan sumbangan Encik Rafiq kepada masyarakat.

.....

.....

.....

[3 markah]

(b) Apakah tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seorang usahawan setelah mendaftarkan perniagaan?

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Senaraikan kepentingan menyediakan Rancangan Kewangan kepada seorang usahawan.

.....

.....

.....

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah


SULIT

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 7 Pernama Machine Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat menjual dan membaiki mesin yang beroperasi di Ipoh, Perak. Perniagaan ini telah ditubuhkan pada tahun 2017 dan mempunyai tiga buah cawangan. Graf berikut menunjukkan trend perniagaan Pernama Machine Sdn. Bhd. dalam tempoh empat tahun.



Pemilik perniagaan mengambil perhatian serius terhadap trend semasa tersebut. Sebagai langkah permulaan, pemilik memutuskan untuk menjalinkan perkongsian strategik dengan Syarikat NZ Machine International Berhad dari Australia. Hasil perbincangan awal, kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalankan kerjasama tersebut. Sejak kebelakangan ini, perniagaan telah menerima aduan daripada beberapa orang pelanggan tentang jurujual yang kurang pengetahuan mengenai spesifikasi mesin. Selain itu, terdapat juga mesin yang masih rosak walaupun telah dibaiki.

- (a) Jelaskan faktor dalaman yang mempengaruhi trend perniagaan Pernama Machine Sdn. Bhd. [5 markah]
- (b) Jelaskan kelebihan keputusan pemilik Pernama Machine Sdn. Bhd.. [5 markah]
- (c) Cadangkan tindakan yang boleh diambil oleh pemilik Pernama Machine Sdn. Bhd. untuk mengatasi masalah pekerjaanya. [5 markah]

- 8 Maklumat di bawah menunjukkan perbandingan analisis nisbah asas yang diperolehi daripada dua syarikat yang menjalankan perniagaan perkhidmatan dobi di bandar Johor Bahru, negeri Johor. Kerajaan negeri telah mengenal pasti syarikat tersebut bagi menjalankan projek usaha sama bagi Projek Perkhidmatan Dobi Sekolah-sekolah Kerajaan Negeri.

Butiran	Syarikat Express Dobi (RM)	Syarikat Smart Dobi (RM)
Untung Kasar	589 640	660 780
Untung Bersih	430 850	580 650
Modal Awal	910 430	1 350 670

- (a) Hitung peratus pulangan atas modal bagi Syarikat Express Dobi. [3 markah]
- (b) Syarikat manakah yang akan dipilih bagi projek usaha sama tersebut? Kemukakan alasan anda. [6 markah]
- (c) Cadangkan tindakan yang boleh diambil untuk meningkatkan untung bersih bagi operasi perniagaan yang berprestasi rendah. [6 markah]
- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan pasaran produk makanan ayam gunting.

Muiz Enterprise merupakan sebuah perniagaan menjual produk makanan ayam gunting untuk pasaran tempatan. Perniagaan ini dimiliki oleh Encik Muiz sebagai pengurus besar.

Dalam satu mesyuarat, Encik Muiz telah meminta pengurus kewangan membentangkan laporan kewangan. Namun begitu, Encik Muiz tidak berpuas hati kerana analisis penyata kewangan tidak disediakan. Walau bagaimanapun, Encik Muiz berpuas hati dengan laporan pengurus pemasaran tentang syer pasaran seperti berikut:

Nama Perniagaan	Syer Pasaran
Muiz Enterprise	46%
Uncle Bob Enterprise	34%
Alif Enterprise	20%

Aspek kejayaan Muiz Enterprise terletak kepada kekuatan yang dimiliki oleh Encik Muiz. Beliau bijak dalam membuat keputusan dan mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan semua pihak dalam organisasi.

- (a) Mengapakah Encik Muiz tidak berpuas hati apabila analisis penyata kewangan tidak disediakan? [6 markah]
- (b) Jelaskan syer pasaran perniagaan Muiz Enterprise. [5 markah]
- (c) Anda berpendapat Encik Muiz mempunyai kekuatan sebagai seorang usahawan. Berikan alasan anda. [4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

10 Lucy dan Aina mempunyai minat yang mendalam dalam dunia reka aksesori wanita. Mereka membuka sebuah butik aksesori di pusat beli-belah yang terkenal di Kuala Lumpur dengan nama LUNA Aksesori. Butik ini memiliki pekerja tetap seramai 12 orang dan 5 orang pekerja sambilan. Butik ini menawarkan pelbagai jenis aksesori yang direka khas untuk wanita dan sering mendapat tempahan dari pelanggan seluruh negara.

Setelah setahun beroperasi, Lucy mencadangkan agar butik LUNA Aksesori melantik sebuah syarikat perakaunan untuk menyediakan penyata kewangan tahunan. Beliau bimbang sekiranya perakaunan tidak diuruskan dengan baik, perniagaan akan mengalami masalah kewangan dan mereka sukar untuk menilai prestasi perniagaan. Aina bersetuju dengan cadangan Lucy dan mereka melantik Syarikat Amanah Accounting Services Sdn. Bhd. untuk menyediakan penyata kewangan Butik LUNA Aksesori. Berdasarkan penyata kewangan yang dihasilkan, Butik LUNA Aksesori mendapati jualan tahunan yang dicapai ialah RM600 000 dan untung bersih bagi tahun 2024 ialah RM300 000.

Sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan telah mendorong Butik LUNA Aksesori menetapkan visi, misi dan objektif perniagaan seperti berikut:

VISI: Butik LUNA Aksesori menjadi jenama aksesori yang terkenal di seluruh negara

MISI: Menyediakan aksesori yang berkualiti tinggi dengan reka bentuk unik dan elegan kepada pelanggan

OBJEKTIF: Mencapai peningkatan jualan sebanyak 25% setiap tahun

Bagi menghadapi cabaran ekonomi semasa, Butik LUNA Aksesori menggunakan pelbagai platform digital dalam memasarkan produk. Alternatif ini diambil bagi memastikan objektif yang dirancang tidak mengalami kegagalan.

Baru-baru ini, Majlis Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenakan denda kepada butik ini kerana papan tanda yang dipamerkan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Butik LUNA Aksesori telah diberi notis dan peringatan agar mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan yang berikut:

- (a) Terangkan saiz dan skala perniagaan Butik LUNA Aksesori. [4 markah]
- (b) Mengapakah penyata kewangan penting kepada Butik LUNA Aksesori? [4 markah]
- (c) Jelaskan tujuan Butik LUNA Aksesori menetapkan visi, misi dan objektif perniagaan. [4 markah]
- (d) Terangkan kesan jika Butik LUNA Aksesori gagal mencapai objektif yang ditetapkan. [4 markah]
- (e) Bagaimanakah Butik LUNA Aksesori dapat mengelak daripada dikenakan denda? [4 markah]